UTAMA (/) MENGENAI KAMI (/MENGENAI_KAMI-1) BAKAL PELAJAR (/UPM/BAKAL_PELAJAR-10) PELAJAR SEMASA (/UPM/PELAJAR_SEMASA-11) STAF (/UPM/STAF-13) ALUMNI (/UPM/ALUMNI-14) PETA LAMAN (/SITEMAP) MAKLUMBALAS (/MAKLUMBALAS)

Carian...

BM

(https://www.upm.edu.my)

Selamat Datang Ke Laman Portal
**Universiti Putra Malaysia**

(https://www.malaysia.gov.my/portal/index)

AKADEMIK (/akademik-15) PENYELIDIKAN (/penyelidikan-3) JARINGAN (/jaringan-16) ANTARABANGSA (/antarabangsa-2) PERKHIDMATAN (/perkhidmatan-19) KEHIDUPAN KAMPUS (/kehidupan_kampus-18)

Entiti Kami

Dokumen

Tetapan

(/) » BERITA (/BERITA) » Jerayawara Sambutan 50 Tahun Rukun Negara di UPM meriah

Senarai Berita (/berita)

# Jerayawara Sambutan 50 Tahun Rukun Negara di UPM meriah

Oleh: Mohd Dasuki Sahak



SERDANG, 14 Sept – Majlis Jerayawara Sambutan 50 Tahun Rukun Negara di Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia (UPM) disambut meriah dengan pelbagai aktiviti berkaitan penghayatan Rukun Negara, dijalankan.

Aktiviti itu termasuk seperti bacaan ikrar, tayangan video, penyerahan bahan promosi, kuiz, nyanyian lagu dan pameran.

Ketua Pustakawan Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM, Muzaffar Shah Kassim berkata, penghayatan lima prinsip Rukun Negara merupakan tunjang utama kepada perpaduan dan penyatuan bangsa Malaysia.

Beliau berkata, pemilihan perpustakaan sebagai lokasi Jerayawara Sambutan 50 Tahun Rukun Negara adalah sangat bertepatan dengan fungsi perpustakaan sebagai pusat penyebaran maklumat.

"Perpustakaan sebagai pusat komuniti setempat mampu menyebarkan maklumat dan risalah mengenai prinsip-prinsip Rukun Negara dan kenegaraan serta penganjuran pelbagai aktiviti yang memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat.

"Sebagai rakyat Malaysia yang berjiwa patriotik dan cintakan tanah air dan prinsip-prinsip Rukun Negara, kami di UPM sentiasa menyokong penuh program seumpama ini," katanya.



LIHAT JUGA



PELANTIKAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI) UPM (/berita/pelantikan_timbalan_naib_canselor_hal_ehwal_pelajar_dan_alumni_upm-58662)



Jerayawara Sambutan 50 Tahun Rukun Negara di UPM meriah (/berita/jerayawara_sambutan_50_tahun_rukun_negara_di_upm_meriah-58602)



UPM, UASB India kaji kurangkan stres air pada tanaman (/berita/upm_uasb_india_kaji_kurangkan_stres_air_pada_tanaman-58512)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
+603-9769 1000
---
marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

B1602128709





Beliau berkata, amalan bacaan ikrar Rukun Negara telah menjadi rutin kebiasaan sejak di zaman persekolahan selepas diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 sempena ulang tahun kemerdekaan Malaysia yang ke-13 oleh Yang di-Pertuan Agong ketika itu, Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin.

"Amalan ini bertepatan dengan saranan Perdana Menteri kedua Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein agar Rukun Negara diamalkan sepenuhnya oleh rakyat Malaysia sejak di bangku sekolah dan tidak menjadi secebis dokumen yang tidak mempunyai makna," katanya.




Sementara itu, Penyelaras Program Jerayawara Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Rukun Negara, Hasnita Ibrahim yang juga Pengurus Maklumat BERNAMA, berkata program jerayawara itu bermula 24 Ogos lalu melibatkan 33 lokasi terpilih di seluruh negara.

Ia berakhir pada 15 September.

Pelbagai aktiviti berkaitan Rukun Negara dipromosikan sepanjang program jelajah itu seperti 'Insta Challenge', 'Rukun Negara Hour', Webinar, 'e-Treasure Hunt', Bual Bicara Bersiri dan dokumentari. - UPM

Tarikh Input: 01/10/2020 | Kemaskini: 01/10/2020 | hairul_nizam

**PERKONGSIAN MEDIA**

(https://www.addtoany.com/share#url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fjerayawara_sambutan_50_tahun_rukun_negara_di_upm_meriah-58602&title=Jerayawara%20Sambutan%2050%20Tahun%20Rukun%20Negara%20Di%20UPM%20Meriah%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
(/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress)

(/#print)

BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
03-9769 7990 | 03-9769 7470 | 03-9769 1999

Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)
Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)
Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)
i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)
i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)
Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

(http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)
Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my)
Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)
Takwim UPM 2020 (https://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20200218095115TAKWIM_UPM_2020-2.pdf)
UPM Flywire (https://landing-pages.flywire.com/landing/upm)

(http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)
(http://eclaims.upm.edu.my/login/)
(http://reg.upm.edu.my/eISO/)
(http://emel.upm.edu.my)

BM

Entiti Kami
Dokumen
Newsletter
Tetapan

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss)
Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937)
UPM online (/footnote/upm_online-38695) Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

© 2020 Universiti Putra Malaysia

B1602128709